



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
Level 8, Block E8, Complex E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 7 (58)
Tarikh : 24 Mac 2022

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2022**

**PENGUNAAN BUKU AKTIVITI, BUKU KERJA DAN BUKU LATIHAN
DI SEKOLAH RENDAH SELARAS DENGAN PELAKSANAAN KURIKULUM
STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017)**

TUJUAN

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Penggunaan Buku Aktiviti, Buku Kerja dan Buku Latihan di Sekolah Rendah Selaras dengan Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017).

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan pelaksanaan KSSR (Semakan 2017), pengajaran guru hendaklah memberi penekanan kepada penyepaduan elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai serta pedagogi dan pentaksiran sebagai satu usaha mengukuhkan pembelajaran murid.

3. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan sumber pendidikan yang berkualiti dan relevan untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran (PdP). Buku teks merupakan bahan rujukan utama untuk menerangkan sesuatu konsep dan kandungan sesuatu mata pelajaran manakala buku aktiviti

merupakan bahan sokongan yang disertakan bersama-sama buku teks untuk murid Tahap 1 dan murid Pendidikan Khas Tahap 1 dan Tahap 2 untuk meningkatkan penguasaan kemahiran mereka.

4. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM Bil. 4/2022 bertarikh 23 Februari 2022 telah memutuskan agar Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2000: Penggunaan Buku Kerja di Sekolah Rendah dikemas kini.

TAFSIRAN

5. Buku aktiviti merupakan bahan sokongan yang disertakan bersama-sama buku teks untuk meningkatkan penguasaan kemahiran murid. Buku aktiviti ini disediakan untuk murid Tahap 1 bagi semua mata pelajaran kecuali Pendidikan Moral, Pendidikan Kesenian serta Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan manakala buku aktiviti bagi murid Pendidikan Khas digunakan di Tahap 1 dan Tahap 2. Buku kerja merupakan bahan sokongan pembelajaran yang dikeluarkan oleh penerbit swasta. Buku latihan pula ialah buku tulis dan buku nota yang digunakan oleh murid untuk membuat latihan, tugas, pembetulan latihan serta nota.

PELAKSANAAN

6. KPM mengambil inisiatif untuk membuat penambahbaikan terhadap Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2000: Penggunaan Buku Kerja di Sekolah Rendah bertarikh 3 Februari 2000. Penambahbaikan ini selaras dengan KSSR (Semakan 2017) yang berfokuskan kepada kandungan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran.

7. Sehubungan dengan itu, penggunaan buku aktiviti, buku kerja dan buku latihan bagi murid sekolah rendah adalah mengikut ketetapan berikut:

- i. Buku aktiviti yang disediakan oleh KPM (bagi mata pelajaran yang mempunyai buku aktiviti);
- ii. Buku kerja sebagai bahan rujukan atau bahan ulang kaji di luar waktu PdP; dan

- iii. Buku latihan dihadkan tidak melebihi dua (2) buah buku bagi setiap mata pelajaran pada satu-satu masa.

8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan bagi menentukan supaya sekolah-sekolah benar-benar mematuhi perkara yang ditetapkan dalam SPI ini.

TARIKH KUAT KUASA

9. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

10. Dengan berkuat kuasanya SPI ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2000: Penggunaan Buku Kerja di Sekolah Rendah bertarikh 3 Februari 2000 adalah **dibatalkan**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

11. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia